



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**
Shaping the Future

E-ISSN: 2682-7948

Buletin APB

EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN





Penganjuran Simposium Antarabangsa 3rdVirtual International Symposium on Sciences 2023 (3rd VISoS) Ke Arah Peningkatan Jaringan Kolaborasi Penyelidikan


WAN ELINA FARADILLA WAN KHALID & NOR AKMALAZURA JANI
UiTM KAMPUS KUALA PILAH

Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UITMCNS) telah berjaya menganjurkan persidangan secara dalam talian 3rd Virtual International Symposium on Sciences 2023 (3rd VISoS 2023) pada 5 hingga 6 September 2023 yang lalu melalui platform Zoom. Simposium secara dalam talian kali ke-3 ini adalah rentetan daripada kejayaan program VSoS 2020 dan VSoS 2021 yang telah diadakan pada tahun 2020 dan 2021. Simposium VISoS 2023 telah dijenamakan semula kepada VISoS dengan penglibatan peserta dan penceramah dari luar negara. VISoS 2023 yang mengetengahkan tema "Research Empowerment through Multidisciplinary Sciences" telah berjaya mengumpulkan para pelajar dan penyelidik daripada universiti awam dan swasta serta institusi penyelidikan dari dalam dan luar negara. Umumnya, penyelidikan pelbagai disiplin (multidisciplinary) boleh membantu menjalin hubungan baik dengan rakan sekerja dalam disiplin yang lain dan seterusnya meningkatkan jaringan kolaborasi terutamanya dalam kalangan penyelidik muda. Di samping itu, penyelidikan pelbagai disiplin juga akan meningkatkan kesan dan ketampakan kemajuan sesuatu disiplin.


Simposium 2 hari ini telah diadakan bertujuan untuk menyediakan medium pertemuan dan percambahan idea dalam bidang sains dan teknologi di antara peserta simposium, mewujudkan budaya perkongsian ilmu serta penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi melalui sesi pembentangan dan perbincangan serta menyediakan peluang jalinan kerjasama penyelidikan khususnya dalam bidang sains dan teknologi di antara UiTM dan universiti serta institusi dalam dan luar negara. VISoS 2023 juga telah berjaya menampilkan 7 orang penceramah iaitu Prof. ChM. Dr. Nor Hadiani Ismail daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai penceramah ucapatama dan 6 orang penceramah jemputan iaitu Prof. Ir. Dr. Lieva van Langenhove dari Universiti Ghent, Belgium, Dr. Shahid Mehmood dari Universiti Mohammed VI Polytechnic, Morocco, Dr. Fadzureena Jamaludin dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Encik Jamallul Hakim Jamal Lulkhir dari Avion Drone (Malaysia) Sdn Bhd, Dr. Wenny Bekti Sunarhanum dari Universitas Brawijaya, Indonesia dan ChM. Che Wan Khairiah Che Wan Khalid dari Petronas Chemicals Sdn Bhd, Malaysia. Simposium VISoS 2023 yang telah melibatkan 5 bidang utama iaitu Kimia, Fizik, Biologi, Teknologi Makanan/ Sains Makanan dan Teknologi Tekstil dan telah berjaya menarik seramai 118 peserta dari Malaysia, Indonesia dan Ukraine dengan peningkatan sebanyak 60% daripada bilangan peserta berbanding VSoS sebelum ini. Melalui VISoS 2023 juga, para peserta berpeluang untuk menerbitkan manuskrip dalam jurnal berindex SCOPUS. Secara keseluruhannya, simposium antarabangsa ini dilihat dapat mendedahkan para peserta terhadap perkembangan penyelidikan terkini dan seterusnya menghasilkan penyelidikan yang berimpak.



Gambar 1:
Prof. ChM. Dr. Nor Hadiani Ismail sebagai Penceramah Ucapatama bagi VISoS 2023 dengan tajuk Publishing, Funding and Networking: Recipe for Success in Research



Gambar 2: Gambar sebahagian peserta VISoS 2023 yang sedang membentangkan projek penyelidikan masing-masing



Gambar 3: Sebahagian peserta VISoS 2023 pada Majlis Penutup yang telah diadakan pada 6 September 2023